

27 JAN 1999

BANK SWITZERLAND BEBAS UNTUK UMUMKAN MENTERI-MENTERI YANG ADA AKAUN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Bank-bank di Switzerland bebas untuk mengumumkan nama menteri-menteri Malaysia yang mempunyai akaun bernombor dengan mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bercakap pada satu sidang berita di Jabatan Perdana Menteri di sini, Dr Mahathir berkata Kabinet, pada mesyuarat mingguannya, telah membincangkan satu laporan berita asing bahawa menteri-menteri Malaysia mempunyai akaun bernombor dengan bank-bank Switzerland.

"Para menteri itu telah membuat keputusan bahawa mereka akan membenarkan mana-mana Bank Switzerland yang ada akaun bernombor kepunyaan mereka atau timbakan-timbangan menteri untuk membuat pengumuman mengenai akaun mereka itu," katanya.

Para menteri itu juga bersedia untuk membuat kenyataan bertulis mengenai kesediaan mereka itu, katanya.

-- BERNAMA

MK WAT